

## → PRIHATIN

## 143 anak yatim, kakitangan UAE dirai

➔ Program tahunan menjelang Aidilfitri tanda penghargaan UMP Advanced Education

Oleh Nik Sukry Ramli  
niksukry@bh.com.my

✦ Kuantan

UMP Advanced Education (UAE) meraikan 100 anak yatim serta 43 kakitangannya bersama keluarga masing-masing pada majlis berbuka puasa di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP), kelmarin.

Anak yatim berusia antara tujuh hingga 12 tahun itu adalah penghuni Rumah Anak Yatim Ad-Dhuha, Bukit Rangin di sini. Mereka turut menerima sumbangan ba-

rangan keperluan dan duit raya daripada UAE.

Program tahunan menjelang sambutan Aidilfitri itu sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan dan ahli keluarga UAE yang sentiasa memberikan sokongan kepada syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Rozi Hassan, berkata sebelum ini pihaknya mengadakan majlis meraikan kakitangan dan ahli keluarga sahaja.

#### Tanggungjawab sosial korporat

"Bagaimanapun, tahun ini kita buat keputusan untuk turut meraikan anak yatim. Ini sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami untuk masyarakat setempat," katanya pada majlis itu.

Sementara itu, Pengurus Projek majlis itu, Idahar Zulkiply, berkata pemilihan Rumah Anak Yatim Ad-Dhuha dibuat hasil perbincangan dengan pihak pengurusan.

"Kami meraikan anak yatim dan berkongsi rezeki yang ada dengan mereka," katanya yang berhasrat untuk menjadikan majlis itu sebagai program tahunan mereka.



(FOTO ZULKEPLI OSMAN/BH)

Mohamad Rozi (tengah) bersama anak yatim pada majlis berbuka puasa di Dewan Astaka UMP, kelmarin.